

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 1 OGOS 2017 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Generasi muda disaran cintai negara	BERNAMA
2.	Piawaian selaras cermin gelap 1 Januari 2017	Utusan Malaysia
3.	Penghadang haba kenderaan mesti ikut piawai MS2669	Berita Harian
4.	Only tint film with Malaysia Standard stamp allowed from 1 Jan	New Straits Times
5.	New standard for car window tints	The Star
6.	Standard test for vehicle tint film	The Sun



Generasi Muda Disaran Cintai Negara

Tarikh kemaskini: 31/07/2017

MELAKA, 31 Julai (Bernama) -- Generasi muda di negara ini disaran berpegang teguh pada asas pembentukan negara maju iaitu cinta kepada negara.

Ini kerana kata **Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah**, generasi muda pada hari ini dilihat semakin alpa dan tidak mempunyai semangat cintakan negara selain semangat patriotisme dalam diri mereka juga semakin terhakis.

"Walau di mana juga kita berada atau terbang tinggi macam manapun... kemajuan yang kita kecapai, permulaannya adalah cintakan pada negara.

"Sebab itu dalam keghairahan kita menjadi sebuah negara maju, asas kecintaan pada negara perlu disemai di peringkat anak muda sejak awal lagi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sambutan Program Ceria Merdeka Negaraku Sehati Sejiwa di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Munshi Abdullah di sini, hari ini.

Turut hadir Pengarah Jabatan Penerangan Negeri Melaka Lim Ann Teck serta Pengetua SMK Munshi Abdullah, Yusof Othman.

Mengulas lanjut, Abu Bakar yang juga Anggota parlimen Tangga Batu, berkata makna cinta pada negara sangat luas dan antaranya ialah sumbangan kita kepada negara selain bersama-sama mempertahankan, memperjuangkan dan menjaga kedaulatan negara.

Beliau berkata ibu bapa memainkan peranan penting untuk menyemai elemen positif dalam diri anak-anak mereka bagi memupuk rasa cinta kepada negara.

Sementara itu, Lim berkata pelbagai aktiviti termasuk 15 program utama telah dirancang sempena sambutan Bulan Kebangsaan bulan depan.

Program berkenaan melibatkan kerjasama pelbagai pihak termasuk sekolah, institusi pengajian tinggi, jabatan kerajaan dan badan bukan kerajaan, katanya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 4
TARIKH: 1 OGOS 2017 (SELASA)

**Piawaian
selaras
cermin gelap
1 Januari
2018**

PUTRAJAYA 31 Julai - Mulai 1 Januari tahun depan, semua kenderaan yang memasang filem penghadang haba atau cermin gelap perlu mengikut piawaian filem penghadang yang diselaraskan.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, penyelarasan itu adalah mengikut piawaian **Standard Malaysia** iaitu MS2669 yang diiktiraf oleh Puspakom Sdn. Bhd., Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan **SIRIM Berhad**.

Katanya, bagi tujuan itu, semua pengusaha cermin gelap hendaklah mematuhi penyelarasan tersebut untuk memastikan kepentingan pengguna terus dijaga selain aspek keselamatan.

Sehubungan itu, jelasnya, 'Label Keselamatan MS QR Code' yang merupakan alatan untuk menguji keseragaman cermin gelap dan dibangunkan oleh Pertubuhan Penjual Auto Audio Aksesori dan Hawa Dingin Malaysia (AAA) bersama SIRIM akan digunakan oleh JPJ dan semua pengusaha aksesori AAA.

"Walau bagaimanapun, penetapan ini belum diwajibkan sebaliknya ia sebagai inisiatif awal kementerian dan pihak penguat kuasa menyeragamkan penggunaan cermin gelap dalam kalangan pengguna.

"Ini juga mekanisme untuk membantu pengguna tidak dikelirukan oleh peniaga atau pengusaha cermin gelap, memandangkan selama ini terdapat peniaga yang tidak mengikut peraturan ditetapkan oleh JPJ," katanya.

Penghadang haba kenderaan mesti ikut piawai MS2669

➔ Mekanisme diperkenal Januari
bagi tangani isu penguatkuasaan

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

Putrajaya

Bermula 1 Januari tahun depan, Kementerian Pengangkutan mahu pemasangan filem penghadang haba pada cermin kenderaan mengikut piawaian Standard Malaysia MS2669.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata mekanisme atau sistem penyalarsan piawaian filem penghadang haba itu diperkenalkan bagi menangani pelbagai isu berbangkit termasuk penguatkuasaan membabitkan cermin gelap.

Katanya, menerusi sistem itu, setiap pemasangan filem pada cermin kenderaan akan mempunyai

label keselamatan (QR code) yang mana boleh diimbas menggunakan aplikasi telefon pintar bagi mendapatkan maklumat produk filem penghadang haba yang dipasang termasuk kadar ketelusan cahaya atau VLT.

Lebih yakin kualiti produk

"Dengan adanya mekanisme ini, pemilik kenderaan lebih yakin dengan kualiti produk digunakan dan tidak perlu risau dikenakan tindakan undang-undang atau diarah menjalani pemeriksaan cermin di Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM) akibat penggunaan filem penghadang haba yang tidak menepati piawaian.

"Bagaimanapun, perkara ini belum diwajibkan, sebaliknya ia sebagai inisiatif awal Kementerian



Tiong Lai mencuba mekanisme penyalarsan piawaian filem penghadang haba pada cermin kenderaan di Putrajaya, semalam.

Info

VLT ditetapkan JPI

- ➔ 70 peratus (cermin depan)
- ➔ 50 peratus (cermin sisi pemandu dan penumpang hadapan)
- ➔ 30 peratus (cermin belakang dan sisi penumpang belakang)

dan pihak penguat kuasa supaya pengguna tidak ditipu dengan membeli produk tidak diluluskan atau berkualiti rendah.

"Mekanisme ini juga memberi peluang pengusaha industri membuktikan ketelusan dan kejujuran dalam transaksi urus niaga mereka," katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran mekanisme penyalarsan piawaian filem penghadang haba kenderaan bermotor Malaysia anjuran Pertubuhan Penjual Auto Audio Aksesori dan Hawa Dingin Malaysia (AAA) bersama Kementerian di sini, semalam.

Tiong Lai berkata, pihaknya turut meminta semua syarikat jualan dan aksesori kenderaan bersama-sama membantu kerajaan memastikan pemasangan filem penghadang haba pada kenderaan baharu terutama menjelang tahun

depan turut mengikut piawaian MS2669.

Selain itu, katanya, bermula Januari tahun depan juga, operasi penguatkuasaan filem penghadang haba kenderaan akan dimulakan.

"Jika filem penghadang haba digunakan tidak mempunyai QR code, pegawai penguat kuasa akan melakukan ujian VLT menggunakan peralatan sedia ada dan jika tidak menepati piawaian, pemilik kenderaan akan diarah menjalani pemeriksaan rapi di PUSPAKOM.

"Bagi mereka yang memasang filem mempunyai label keselamatan, penguat kuasa dapat memperoleh semua maklumat atau pengesahan daripada pangkalan data Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) menerusi imbasan QR code berkenaan," katanya.

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (NEWS) : MUKA SURAT 11
TARIKH : 1 OGOS 2017 (SELASA)

Only tint films with Malaysia Standard stamp allowed from Jan 1

PUTRAJAYA: From Jan 1, only tint films with the Malaysia Standard 2669:2017 stamp are allowed to be used on new vehicles.

Transport Minister Datuk Seri Liow Tiong Lai said this after launching the first standard test for tint films here yesterday.

Dubbed the "Malaysian Vehicle Tint Film Standardisation" mechanism, it is to improve safety.

Liow said the mechanism was the first of its kind in the country and region to resolve discrepancies in identifying tint films that did not comply with regulations.

Malaysian Institute of Road Safety Research (Miros) director-general Professor Dr Wong Shaw Voon said good-quality tint films would prevent view distortion.


Citing inferior tint films that produced bubbles under intense heat, he said it was dangerous for drivers.

"When such tint films degrade by turning yellowish, it will affect our view. It is like our spectacles. When the lens degrade, it results in not-so-clear vision."

Wong said tint films should not be too dark and in accordance with permitted levels.

He said the standardisation test for vehicle tint films could

VEHICLE TINTING REGULATIONS



prevent disputes.

"When there are different apparatuses used to measure the (tinted) levels, it can contribute to inaccurate readings."

Earlier, Liow said the authorities would take action against those who failed to comply with the permissible levels.

The Road Transport Depart-

ment has set the allowed percentage rate for tint at 70 per cent for rear windscreen and rear passenger windows, 50 per cent for the driver and front passen-

ger window and 30 per cent for the front windshield.

Using a Quick Response Code (QR Code) security label affixed to the windshield, authorities can scan it to detect whether the light transmission level of the film complies with the requirements.

The QR Code will have other information, including the product brand, vehicle's make and model, chassis number and time of installation of the product.

On vehicles that had installed tint films without the QR Code label, Liow said owners could check their tinted windows and windscreens at the Computerised Vehicle Inspection Centre (Puspakom) or at shops selling tint films that were registered with Auto Audio, Accessories and Air-Condition Traders Association (AAA).

Only AAA-registered outlets can issue the QR Code label and its issuance is expected to be made available for new cars starting next year.

Aside from the authorities, consumers can download mobile applications to scan the QR Code to find out whether a product is genuine and meets requirements.

INFOGRAPHIC NST

New standard for car window tints

New specification to also feature QR code labels

By JOSEPH KAOS Jr
joekaosjr@thestar.com.my

PUTRAJAYA: There will be no more unregulated tint films when all window tinting on newly-registered vehicles will be required to adhere to the new MS2669 standard set by the Department of Standards Malaysia from Jan 1.

The new films will come with QR Code Security labels and enforcement officers need only scan the code using the compatible phone app to get its full specifications.

Transport Minister Datuk Seri Liow Tiong Lai, who launched the Malaysian Vehicle Tint Film Standardisation Mechanism yesterday, said that having a standardised guideline would not only ease the work of enforcement officers, but also prevent consumers from buying unregulated films.

"Before, there was no standard for car tint film makers and each had their own interpretation of what tint was acceptable under the law.

"The MS2669 standard was spearheaded by the AAA (Auto Audio Accessories and Air-Condition Traders Association) and supported by the Transport Ministry and Miros (Malaysian Institute of Road Safety Research), among others.

"With this mechanism, a lot of disputes over what tint is acceptable can be resolved," said Liow.

It determines the standard of tint films, and ensures they comply with the MS2669 standard.

The QR code feature, however, will only come with the new MS2669-certified tints which are expected to be available at AAA-registered outlets before January 2018.

The feature will be available to all consumers free of charge.

"For current car users, as long as your car tint's minimum permissible visible light transmission levels (VLT) comply with the rules, you do not need to change your tinting.

"However, cars registered after Jan 1, 2018, can only use tints that comply with the MS2669 standard," he said, adding that car users can visit a Puspakom centre or a car tint dealer to check their tint level.

Liow said the permissible VLT levels are 70% for the front windscreen, 50% for front side windows and 30% for rear side windows and rear screen.

Also at the launch yesterday were Road Transport Department (JPJ) director-general Datuk Seri Nadzri Siron, Road Safety Department director-general Datuk Rosli Isa, AAA president Lim Bee Choo and Miros director-general Prof Dr Wong Shaw Voon.



Screen test: Liow showing the specifications of the tint he scanned with his smart phone during the launch of the tint standardisation mechanism in Putrajaya.

Standard test for vehicle tint film

> Light transmission levels must comply with MS 2669 rating from next year: Liow

PUTRAJAYA: In an effort to resolve issues involving compliance of tint films on vehicles, Transport Minister Datuk Seri Liow Tiong Lai launched Asean's first standardisation test for tint film.

The mechanism, he said, is the first of its kind in the region which is designed to identify tint films that do not comply with regulations.

"There are concerns about inferior as well as fake tint films in the market, with many types of tint films failing to meet standards, as discovered by us. As such, we must find ways to track them," he said during the launch of the Malaysia Vehicle Tint Standardisation Mechanism at the ministry yesterday.

The new mechanism is expected to determine standard tests of tint films, quality and class differentiation, requirements and qualifications, as well as a system that stores all relevant information that can be used by all parties.

The mechanism ensures that tint film installation complies with the Malaysia Standard (MS) 2669: 2017.

Using a Quick Response Code (QR Code) security label on the windshield, authorities can scan it to detect if the light transmission levels of the film comply with requirements.

The code will also reveal other information, including the brand of the product, the vehicle's make, the vehicle's chassis number and the time of installation of

Liow scanning the QR code on a vehicle tint film during launch of the Malaysia Vehicle Tint Film Standardisation Mechanism at the Transport Ministry in Putrajaya yesterday.



AMIRUL SYAFIQ MOHD DIN / THE SUN

the product.

At present, the Road Transport Department has set the allowed percentage rate for vehicles tint at 70% for rear windcreens and rear passenger windows, 50% for the driver and front passenger windows, and 30% for the front windshield.

Liow said all tint films on new vehicles

should comply with the MS 2669 standard from Jan 1, 2018.

On existing vehicles with tint films without the QR code label, he said motorists could check their tinted windows and windcreens at the Computerised Vehicle Inspection Centre (Puspakom) or at shops selling tint films that are registered members

of the Auto Audio, Accessories and Air-Condition Traders Association (AAA).

Only AAA-registered outlets can issue the QR code label and the issuance of the security labels for new cars is expected to begin next year, upon the request of vehicle owners, for free, when they have their windshields and windows tinted.